

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH (LENGGONG)**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 23.11.2016**

**Y.B. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [ LENGGONG ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status/perkembangan terkini pembinaan Menara Warisan Merdeka yang dijangka siap pada tahun 2020. Apakah kekangan yang dihadapi oleh Kerajaan dalam merealisasikan impian ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PNB Merdeka Ventures Sdn Bhd (anak syarikat milik penuh PNB) selaku Pemaju projek Warisan Merdeka sedang giat melaksanakan kerja pembinaan Menara

Merdeka PNB118 tersebut.

Setakat Oktober 2016, kerja-kerja pemasangan cerucuk dan kerja asas tanah untuk pembinaan menara tersebut serta kerja-kerja pemasangan dinding gegendang (*diaphragm wall*) untuk kawasan letak kereta besmen telah siap sepenuhnya.

Selain daripada itu, kerja-kerja pemasangan dinding gegendang untuk kawasan letak kereta dibawah Taman Linear sedang dijalankan dan telah siap pada tahap 25% manakala kerja-kerja tanah dan kerja-kerja pemasangan cerucuk untuk kawasan letak kereta ini telah siap 60%.

Kerja-kerja penyediaan asas rakit (*raft foundation*) sedang dilaksanakan dan kerja-kerja konkrit untuk asas rakit ini dijangka dijalankan pada pertengahan bulan Oktober 2016. Proses ini akan melibatkan kerja-kerja konkrit tanpa henti selama kira-kira 53 jam dan merupakan antara kerja-kerja asas terbesar di dunia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Fasa I Projek Warisan Merdeka yang merangkumi pembinaan Menara Merdeka PNB118, Pusat Membeli Belah dan kerja-kerja infrastruktur yang berkaitan dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2020.